

12 MAR 1997

Selangor-MSC

SELANGOR TUBUH JK PETUGAS SEBAR MAKLUMAT MSC

SHAH ALAM, 12 Mac (Bernama) -- Kerajaan Selangor hari ini menubuhkan sebuah jawatankuasa petugas khas mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC) bagi memberi penerangan dan menyebarkan maklumat mengenai MSC kepada semua lapisan rakyat.

Jawatankuasa itu yang diketuai Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Haji Hashim Meon antara lain akan bertanggungjawab menganjurkan ceramah dan bengkel di seluruh negeri bagi pemimpin-pemimpin masyarakat supaya mereka dapat sampaikan kepada rakyat.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Negeri, Ch'ng Toh Eng berkata, jentera-jentera jabatan dan agensi kerajaan seperti Jabatan Penerangan dan Jabatan Pendidikan akan digunakan sepenuhnya bagi tujuan itu.

"Usaha ini bagi menyahut seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya rakyat memahami apa itu MSC dan apa manfaatnya kepada mereka dan negara," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat mingguan Exco di sini, hari ini.

Ch'ng berkata Menteri Besar Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib pada mesyuarat itu juga mengarahkan Kerajaan Negeri memberikan kerjasama penuh bagi menjayakan MSC bukan sahaja kerana lokasi projek itu di Selangor tetapi juga kerana sumbangan besarnya bagi mencapai Wawasan 2020.

Ch'ng, yang juga pengerusi jawatankuasa tetap kebajikan negeri berkata, mesyuarat Exco hari ini juga bersetuju menubuhkan sebuah jawatankuasa petugas khas mengenai masalah sosial untuk menyahut seruan Perdana Menteri supaya para pemimpin mengambil tindakan bersepadu dalam menanganinya.

Jawatankuasa masalah sosial itu dipengerusikan oleh Exco Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad yang akan menggembeleng tenaga dan buah fikiran para cendekiawan dalam pelbagai bidang termasuk ahli akademik, pertubuhan bukan kerajaan, parti politik dan pemimpin masyarakat, katanya.

"Tumpuan jawatankuasa ini tentulah selaras dengan saranan Dr Mahathir iaitu meningkatkan ketahanan diri," dan pendekatan yang sesuai akan dijalankan termasuk melalui institusi masjid dan khutbah Jumaat bagi masyarakat Islam.

Beliau berkata masyarakat Cina dan India juga akan diberikan tumpuan kerana mereka juga mengalami pelbagai masalah sosial yang perlu ditangani.

Menurut beliau, kedua-dua jawatankuasa petugas itu akan mula berfungsi secepat mungkin memandangkan kecepatan pembangunan MSC memerlukan rakyat segera diberikan penerangan jelas dan masalah sosial pula kini hangat diperkatakan di seluruh negara. -- BERNAMA

MNY PR